

D577

R B422 DEB  
MAHATHIR - GALAKAN

JOHOR BAHRU, 20 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA MENGENEPIKAN SIKAP IRIHATI DAN CEMBURU TERHADAP FIRMA-FIRMA TEMPATAN YANG MENDAPAT KEJAYAAN DAN KEUNTUNGAN.

SEBALIKNYA, PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEMUA PIHAK PERLU MEMBERI GALAKAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN DEMI KEJAYAAN SETERUSNYA.

+KERAJAAN SENDIRI INGIN MELAYAN SYARIKAT-SYARIKAT TEMPATAN+, KATANYA SEMASA MENERIMA 15 BOT PENYELAMAT MANGSA BANJIR SUMBANGAN SYARIKAT DESTINATION MARINE SERVICES SDN BHD, SEBUAH FIRMA LIMPUNGAN BUMIPUTERA DI BAKAR BATU DEKAT SINI.

+JIKA KITA MEMBERI KONTRAK KEPADA SYARIKAT TEMPATAN, BUKAN SAHAJA SYARIKAT ITU MENDAPAT FAEDAH MALAHAN PARA PEKERJA DAN MEREKA YANG MENAWARKAN KERJA SAMPINGAN SEPERTI PARA PEMBEKAL+, TEGASNYA.

PERDANA MENTERI YANG SEDANG DALAM RANGKA LAWATAN SEHARI KE NEGERI INI, JUGA MENASIHATKAN SEMUA PIHAK BAHAWA PERLUNYA MENANAM SIKAP DEDIKASI DAN MINAT DALAM MELAKSANAKAN APAJUA BENTUK PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN. -- LAGI

1410MST 20 11 86

D569

U B424 DEB  
MAHATHIR - GALAKAN 2 JOHIR BAHRU

+JIKA TIMBUL MINAT, KITA BOLEH MEMBUAT SEMUA KERJA YANG ORANG LAIN BUAT. WALAUPUN PADA MULANYA AGAK SUKAR UNTUK MENDAPAT KEMAHIRAN TETAPI JIKA TERUS BERUSAHA, KITA JUGA BOLEH MENGUASAI KEMAHIRAN ITU.

+INI JELAS DILIHAT DI MANA JUGA PERUSAHAAN DIADAKAN DI NEGARA KITA, DALAM JANGKA MASA YANG PENDEK SAHAJA PEKERJA-PEKERJA KITA DAPAT KEMAHIRAN DAN BOLEH MENJALANKAN TUGAS DAN KERJA SEPERTI YANG DIJALANKAN OLEH ORANG LAIN,+ KATA PERDANA MENTERI.

OLEH ITU, KATANYA, KITA PERLU BETUL-BETUL BERUSAHA UNTUK MENDAPAT KEJAYAAN DALAM APA JUA TUGAS YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MAHUKAN PARA PEKERJA DAN MAJIKAN DI NEGARA INI MENCONTOHI ETIKA KERJA DI NEGARA-NEGARA SEPERTI JEPUN, KOREA SELATAN DAN TAIWAN, YANG TEKLAH MENJADIKAN NEGARA-NEGARA ITU MAJU DAN MAMPU BERTANDING DENGAN NEGARA-NEGARA BARAT.

+INI ADALAH HASIL DEDIKASI SEMUA PIHAK PEKERJA, PENGURUS, TUAN PUNYA DAN SEBAGAINYA. SEMUANYA MESTILAH MEMPUNYAI DEDIKASI, DISIPLIN DAN MINAT UNTUK MENENTUKAN KEJAYAAN+, UJAR BELIAU. -- LAGI

1357MST 20 11 86

D581

U B428 DEB  
MAHATHIR-GALAKAN 3 JOHOR BAHRU

MENGENAI SYARIKAT DESTINATION MARINE SERVICES, MILIK PENUH BUMIPUTERA YANG DITUBUHKAN 11 TAHUN LAMPAU UNTUK MEMBAIKI DAN MEMBINA BOT-BOT UNTUK JABATAN-JABATAN KERAJAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU KAGUM DENGAN KEMAMPUAN SYARIKAT ITU YANG MASIH MENUNJUKKAN KEJAYAAN WALAUPUN PADA ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI INI.

+SYARIKAT-SYARIKAT YANG MASIH BOLEH MENJALANKAN KERJA DALAM KEMELESETAN EKONOMI SANGAT DIALUKAN OLEH KERAJAAN+, KATANYA.

BELIAU KEMUDIAN DIBAWA MELAWAT SEKITAR LIMPUNGAN ITU OLEH PENGARAH URUSAN SYARIKAT ITU ENCIK KHALID GHOUSE. YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR HAJI MUHYIDDIN YASSIN, PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI SERTA PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN NEGERI.

KESEMUA 15 BOT PENYELAMAT BANJIR SUMBANGAN SYARIKAT ITU AKAN DISERAHKAN KEPADA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA UNTUK DIEDARKAN KEPADA KAWASAN-KAWASAN YANG SERING DILANDA BANJIR. -- BERNAMA.

1417MST 20 11 86